

KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan **kata bilangan** yang paling sesuai.

Ayat	Pilihan Jawapan
1. Fadzillah membeli _____ buah buku dan beberapa batang pen di kedai itu.	tiga ketiga ketiga-tiga
2. Penyanyi itu amat menghargai _____ cenderamata yang dihadihkan oleh peminat-peminatnya.	setiap para sekalian
3. Kita perlu berhati-hati dalam _____ tindakan agar tidak menghadapi masalah.	segala setengah berbagai-bagai
4. Kak Eja telah membasuh _____ pinggan mangkuk yang digunakan untuk makan malam.	semua segala sekalian
5. Golongan remaja akan menghadapi _____ masalah jika terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat.	tiap-tiap masing-masing berbagai-bagai
6. Faizah menghabiskan _____ daripada nasi goreng di dalam pinggan itu.	tiap-tiap separuh beberapa
7. Mereka pulang ke rumah _____ setelah selesai menjalani Latihan bola sepak.	setiap sekalian masing-masing
8. Pak Said mengupah _____ orang pekerja untuk menguruskan kedai runcitnya.	tujuh ketujuh ketujuh-tujuh
9. Fauzi mendapat tempat yang _____ dalam pertandingan lompat tinggi.	dua kedua kedua-dua
10. Ibu bapa seharusnya memberi kerjasama kepada _____ guru dalam mendidik anak-anak mereka.	banyak segala para